

Tragedi Sungai Buloh jadi pengajaran

Tidak perlu ada

MAY 1991

kilang mercun: PM

Oleh MOHD SHAH ABDULLAH

SUNGAI BULOH, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia sepatutnya tidak memerlukan industri pembuatan mercun dan kerajaan akan membuat kajian mengenai masa depannya.

"Saya berpendapat industri seperti ini tidak perlu di negara kita. Kalau kita tidak ada industri seperti ini pun, pertumbuhan industri kita tidak akan terjejas.

"Kita akan mengkaji sama ada kita akan tarik balik lesen atau menghentikan industri ini, ataupun kalau perlu dijalankan juga, kita akan jalankan dengan syarat-syarat yang ketat supaya tragedi letupan dan kebakaran kilang mercun dan bunga api Bright Sparklers di Sungai Buloh ini tidak berulang," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas melawat kawasan kilang mercun Bright Sparkles Sdn Bhd di Sungai Buloh yang terbabit dalam kebakaran dan letupan Selasa lalu.

Katanya, walaupun mercun negara ini dieksport ke negara-negara maju, beliau yakin mereka sendiri tidak suka mewujudkan industri itu dan lebih suka mengimportnya dari Malaysia.

Menurutnya, tragedi Sungai Buloh itu memberi pengajaran berguna kepada semua pihak agar menghentikan terus permainan mercun dan bunga api, di samping mengkaji industri yang ingin beroperasi di negara ini supaya tidak menimbulkan kesan bahaya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika permainan mercun terus dibenarkan, ia memerlukan tempat untuk membuat dan menyimpan, tetapi apabila berlaku kebakaran, ia mengakibatkan kematian serta kemusnahan.

"Apabila berlaku kemalangan, ramai yang akan cedera parah, kematian akan berlaku. Ia boleh berlaku di kilang, di kedai, sewaktu hendak dipindahkan atau dibawa dari satu ke tempat ke tempat lain. Ini menunjukkan bahaya mercun," katanya.

Selama ini, katanya, tumpuan banyak diberikan kepada langkah mengharamkan import mercun, sehingga terlupa bahawa mercun dibuat di dalam rumah atau di dalam kedai-kedai.

Beliau juga meminta semua pihak jangan menjadikan tragedi Sungai Buloh itu isu politik kerana 'kematian dalam tragedi itu bukan berpunca daripada politik.'

"Ia seharusnya dijadikan pengajaran oleh semua pihak betapa bahayanya mercun dan harus menghentikan penjualannya serta mengelakannya daripada berulang," katanya.

Sambil mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa terbabit, Perdana Menteri berkata, peristiwa itu memberi banyak pengajaran kerana selama ini tiada orang yang menyedari bahaya ki-

LIHAT MUKA 2

Tunggu hasil siasatan, kata Mahathir

17 MAY 1991
DARI MUKA 1

lang mercun.

Mengenai adanya kenyataan bercanggah oleh pelbagai pihak dalam isu ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bagi mengelaknya, Suruhanjaya Diraja ditubuhkan untuk menyasat tragedi itu.

"Saya sendiri tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak dalam tragedi ini dan berharap semua pihak berhenti daripada membuat kenyataan serta menunggu hasil siasatan itu," katanya.

Menjawab pertanyaan, beliau berkata, kerajaan menyedari akibat daripada kilang yang mengeluarkan bahan toksid dan ia perlu diuruskan dengan cara yang baik.

Katanya, sungguhpun sebelum ini kerajaan berusaha untuk menyediakan tempat buangan bahan toksid, pihak tertentu termasuk parti politik dan aktivis alam sekitar, mengambil kesempatan untuk membantah cadangan itu seperti mengugut dan berkempen kepada orang ramai.

"Kita telah lama memikirkan tempat khas itu tetapi setiap kali kita tentukan tempat itu, walaupun kita telah mengambil kira kepentingan penduduk, ada sahaja bantahan dan ada pihak menjadikannya sebagai isu politik," katanya.

Turut mengiringi beliau ialah Timbalan Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Sujak Mahmud dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Zaman Khan.

Beliau juga melawat dan menziarahi mangsa-mangsa tragedi berkenaan di Pusat Bantuan yang terletak kampung Baru Sungai Buloh.